



Rujukan : UKM.JNA.100-1/3/27

Tarikh : 16 Mei 2023

PEKELILING JANA@UKM BIL. 2/2023

Dekan/Pengarah/Ketua/Pengetua

Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./Prof. Ulung/Prof. Emeritus/Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN FORMULA AGIHAN HASIL DAN HASIL BOLEH AGIH AKTIVITI PENJANAAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi pemakluman berkaitan Garis Panduan Berkaitan Formula Agihan Hasil dan Hasil Boleh Agih Aktiviti Penjanaaan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia (LPU) Bil. 3/2023 bertarikh **6 April 2023**.

3. Untuk makluman Y. Bhg. Prof./Prof. Ulung/Prof. Emeritus/Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Februari 2023**, sekaligus membatalkan Pekeliling Garis Panduan Formula Agihan Hasil Boleh Agih Aktiviti Penjanaaan Tahun 2018. Sukacita sekiranya Pekeliling ini dapat dihebahkan kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing.

Segala perhatian dan kerjasama Y. Bhg. Prof./Prof. Ulung/Prof. Emeritus/Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Salam hormat.

PROF. DR. NORHAMIDI MUHAMAD

Pro-Naib Canselor (Penjanaaan dan Prasarana)/
Pengarah Eksekutif
Pusat Pengurusan Penjanaaan UKM (JANA@UKM)

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Pro-Naib Canselor (Strategi & Pembangunan Korporat)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)
 - Pendaftar
 - Bendahari
 - Penasihat Undang-Undang
 - Ketua Pustakawan

berlampir



PEKELILING JANA@UKM BIL. 2/2023

**GARIS PANDUAN FORMULA AGIHAN HASIL DAN HASIL BOLEH AGIH
AKTIVITI PENJANAAN**

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi mengemukakan permohonan untuk mendapatkan agihan Hasil dan Hasil Boleh Agih yang dijana daripada aktiviti penjanaaan yang telah dilaksanakan.

2.0 DEFINISI

- 2.1 Hasil bermaksud penerimaan kasar daripada sesuatu usaha/aktiviti penjanaaan.
- 2.2 Hasil Boleh Agih bermaksud hasil yang ditentukan selepas menolak perbelanjaan langsung daripada hasil sesuatu aktiviti penjanaaan.
- 2.3 Penjanaaan bermaksud semua jenis aktiviti yang dilaksanakan bagi menjana Hasil atau memberi penjimatan kos kepada Universiti.

3.0 BENTUK AKTIVITI PENJANAAN PENDAPATAN

Antara bentuk aktiviti penjanaaan pendapatan yang boleh diagih adalah seperti berikut:

Bil.	Aktiviti Penjanaaan Pendapatan	Perincian
1.	Penawaran program-program akademik dan penganjuran seminar serta kursus	<ul style="list-style-type: none">● Program berijazah yang ditawarkan oleh fakulti dan institut.● Program berijazah bukan arus perdana yang ditawarkan melalui UKMShape.

		<ul style="list-style-type: none"> ● Program berijazah khas yang mempunyai MoA dengan rakan industri yang ditawarkan oleh fakulti dan institut. (Contoh: Ijazah Sarjana Sains Sosial (Pengajian Rasuah)) ● Program bukan ijazah yang ditawarkan oleh fakulti, institut dan hospital pengajar. (Contoh: Sijil Profesional Kaunseling Penyakit Makular, Sijil Pengajian Islam FPI dan program Pos Basik) ● Persidangan, seminar/webinar, simposium, kursus, forum, bengkel dan kejohanan sukan yang dianjurkan oleh fakulti, institut dan PTJ. ● Program Jangka Pendek Secara Dalam Talian yang ditawarkan oleh UKMShape.
2.	Penyediaan perkhidmatan/ produk (hospital/klinikal/pelbagai)	<ul style="list-style-type: none"> ● Perkhidmatan rawatan kepada pesakit. ● Penjualan produk/barangan/alatan/ubat untuk perawatan kepada pesakit selain produk penyelidikan. ● Perkhidmatan makmal, hospitaliti, keselamatan, ICT dan pengangkutan. ● Pengurusan acara.
3.	Pengewangan aset	<ul style="list-style-type: none"> ● Projek pembangunan hartanah milik UKM secara dalaman atau melalui kerjasama dengan entiti luar. (Contoh: Hospital Pakar Kanak-Kanak)
4.	Perkhidmatan kepakaran	<ul style="list-style-type: none"> ● Perkhidmatan perundingan yang dilaksanakan melalui UKM Pakarunding Sdn Bhd. ● Perkhidmatan kepakaran klinikal, sokongan klinikal dan bukan klinikal yang dilaksanakan melalui PTJ.

5.	Penyewaan ruang, kemudahan, peralatan dan tanah	<ul style="list-style-type: none"> • Penyewaan dewan/dewan kuliah, bilik seminar/mesyuarat, bilik penginapan, makmal/makmal komputer, ruang legar, dataran, tanah dan peralatan seperti peralatan makmal, sukan dan ICT.
6.	Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaburan jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang dilaksanakan oleh Jabatan Bendahari dan Unit Perniagaan Strategik (SBU).
7.	Penjualan dan pengkomersialan produk penyelidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti penjualan dan pengkomersialan produk penyelidikan yang dilaksanakan melalui Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi UKM (INOVASI@UKM).
8.	Pengembangan perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> • Pengembangan perniagaan yang dilaksanakan melalui entiti milik UKM. (Contoh: UKM Kesihatan Sdn Bhd, UKM Pakarunding Sdn Bhd dan UNIPEQ Sdn Bhd)
9.	Filantropi dan kedermawanan	<ul style="list-style-type: none"> • Kursi/Dana Endowmen, Dana Wakaf Ilmu UKM (DWIUKM) dan Tajaan/Biasiswa yang dilaksanakan melalui Yayasan Canselor.

4.0 JUSTIFIKASI AGIHAN HASIL DAN HASIL BOLEH AGIH

Agihan Hasil dan Hasil Boleh Agih dilakukan atas sebab berikut:

- 4.1 Menggalakkan setiap PTJ melaksanakan aktiviti penjanaan pendapatan.
- 4.2 Membantu menampung kos operasi PTJ dan Universiti kerana aktiviti penjanaan dilaksanakan dengan menggunakan sumber milik UKM. Oleh itu, hasil penjanaan yang diperolehi perlu dikongsi antara PTJ dengan UKM.

5.0 FORMULA AGIHAN HASIL DAN HASIL BOLEH AGIH

- 5.1 Agihan Hasil dan Hasil Boleh Agih melibatkan agihan hasil di antara PTJ dan UKM bersama pihak lain (jika ada) mengikut formula yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- 5.2 Formula agihan Hasil dan Hasil Boleh Agih yang telah ditetapkan adalah seperti di **Lampiran 1**.

6.0 PERMOHONAN AGIHAN HASIL DAN HASIL BOLEH AGIH

- 6.1 PTJ boleh mengemukakan permohonan agihan Hasil dan Hasil Boleh Agih yang dijana melalui aktiviti penjanaaan selewatnya-lewatnya dalam masa enam (6) bulan selepas aktiviti penjanaaan tersebut selesai dijalankan.
- 6.2 Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada PTJ berikut dengan menyertakan Borang Permohonan Agihan Hasil dan Hasil Boleh Agih seperti di **Lampiran 2**.
 - a) Pusat Pengurusan Penjanaaan UKM (JANA@UKM);
 - b) Bahagian Penjanaaan, Hospital Canselor Tuanku Mukhriz;
 - c) Bahagian Penjanaaan, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Rohani dan Hospital Pakar Kanak-kanak; atau
 - d) Bahagian Penjanaaan, Kampus Kuala Lumpur
- 6.3 Carta alir proses permohonan agihan Hasil dan Hasil Boleh Agih adalah seperti di **Lampiran 3**.

7.0 TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan Formula Agihan Hasil dan Hasil Boleh Agih Aktiviti Penjanaaan ini berkuatkuasa mulai **1 Februari 2023**.

FORMULA AGIHAN HASIL DAN HASIL BOLEH AGIH

Bentuk Aktiviti Penajaan		UKM	PTJ	Pakar/ Pencipta/ Individu	UKM Technology
Bentuk 1	Penawaran program-program akademik dan penganjuran seminar serta kursus				
	Program Berijazah Arus Perdana (Yuran Pengajian sahaja)		100%		
	Program Berijazah Bukan Arus Perdana (UKMShape) (Yuran Pengajian - Kos Langsung)	50%	50%		
	Program Berijazah UKM-GSB (Yuran Pengajian - Kos Langsung)	50%	50%		
	Program Berijazah Khas (MoA) (Yuran Pengajian - Kos Langsung)	40%	60%		
	Program Bukan Ijazah a) Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Kolej b) Hospital Pengajar	50%	50% 100%		
	Penganjuran Seminar/Kursus a) Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Kolej b) Hospital Pengajar	30%	70% 100%		

Bentuk Aktiviti Penajaan		UKM	PTJ	Pakar/ Pencipta/ Individu	UKM Technology
	Program Jangka Pendek Secara Dalam Talian (UKMShape) (Yuran Pengajian - Kos Langsung)	40%	40%	20%	
Bentuk 2	Penyediaan perkhidmatan/produk (hospital/klinikal/pelbagai) a) Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Kolej b) Hospital Pengajar	40%	60% 100%		
Bentuk 3	Pengewangan aset a) Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Kolej/ b) Hospital Pengajar	100%	100%		
Bentuk 4	Perkhidmatan kepakaran a) Penyelidikan	10% daripada fi kepakaran & keuntungan yang diisytihar dividen	5% daripada fi kepakaran	85% daripada fi kepakaran	
	b) Klinikal, sokongan klinikal dan bukan klinikal	10% daripada fi kepakaran	5% daripada fi kepakaran	85% daripada fi kepakaran	
Bentuk 5	Penyewaan ruang, kemudahan dan peralatan		100%		

Bentuk Aktiviti Penajaan		UKM	PTJ	Pakar/ Pencipta/ Individu	UKM Technology
Bentuk 6	Pelaburan				
	Pelaburan Induk	100%			
	Pelaburan PTJ		100%		
Bentuk 7	Penjualan dan pengkomersialan produk penyelidikan				
	a) Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Kolej				
	RM250,000 pertama	5%	5%	70%	20%
	RM250,000 hingga RM1 juta berikutnya	10%	10%	50%	30%
	RM1 juta dan ke atas	15%	15%	40%	30%
	b) Hospital Pengajar				
	RM250,000 pertama		10%	70%	20%
	RM250,000 hingga RM1 juta berikutnya		20%	50%	30%
	RM1 juta dan ke atas		30%	40%	30%
Bentuk 8	Pengembangan perniagaan				
	Perniagaan UKM lain	100%			

Bentuk Aktiviti Penjanaan		UKM	PTJ	Pakar/ Pencipta/ Individu	UKM Technology
Bentuk 9	Filantropi dan kedermawanan				
	Kursi/Dana Endowmen		100% daripada pendapatan endowmen		
	Tajaan/Biasiswa	95%	5%		
UKM		YC			
	Dana Wakaf	Manfaat Dana Wakaf			
		10%	90%		
			70%	15%	15%
			Pembangunan Wakaf UKM - Kebajikan - Pendidikan - Pembangunan	Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)	YC (Pengurus Wakaf)

BORANG PERMOHONAN AGIHAN HASIL DAN HASIL BOLEH AGIH

Pusat Tanggungjawab: _____

Tarikh: _____

Kod Tabung Aktiviti Penjanaan: _____

(mesti diisi)

Aktiviti Penjanaan	
<i>(sila nyatakan)</i>	
A. HASIL (RM)	
•	
•	
•	
B. PERBELANJAAN/KOS (RM)	
• Kos Tenaga	
• Kos Peralatan dan Pakai Habis	
• Kos Ruang	
• Utiliti	
• Susut Nilai	
• Lain-lain <i>(sila nyatakan)</i> :	
•	
•	
C. HASIL DAN HASIL BOLEH AGIH (A-B) (RM)	

* JANA @UKM akan membantu untuk menentukan amaun yang bersesuaian.

* Sila kemukakan bukti laporan kewangan (UFASt)

* Pengisian borang dan maklumat B adalah mengikut kesesuaian aktiviti.

Ketua PTJ
(Cop nama & jawatan)

UNTUK KEGUNAAN JANA@UKM		
Nisbah Hasil dan Hasil Boleh Agih	PTJ	UKM
Hasil dan Hasil Boleh Agih (RM)	PTJ 1: PTJ 2: PTJ 3:	
Ulasan		

Disahkan oleh,

Diluluskan oleh,

 Timbalan Pengarah Eksekutif
 (Pembangunan Pendapatan)
 JANA@UKM
 (Cop nama & jawatan)

 Pro-Naib Canselor
 (Penjanaan & Prasarana)
 (Cop nama & jawatan)

**Nota: Format akan disesuaikan mengikut lokasi penghantaran seperti di perkara 6.2.*

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN HASIL DAN HASIL BOLEH AGIH

